

Persatuan bahasa Melayu NUS jaya tarik minat golongan muda

Unit Bisikan Pena sediakan wadah perkukuh bahasa melalui pantun, cerpen dan puisi

Tetamu terhormat, Canselor Universiti Sains Singapura (SUSS) yang juga mantan Presiden Singapura, Puan Halimah Yacob (barisan hadapan, tiga dari kanan), bersama anggota jawatankuasa Bisikan Pena semasa acara Sayembara Bisikan Pena 2024 yang diadakan di Auditorium Perpustakaan Daerah Woodlands pada 6 Julai. – Foto-foto LOH YU ZE



► **BATRISYIA BAHARIM**
batrisyia@spn.com.sg

Penggunaan bahasa ibunda kian lebih mencabar dengan kebanyakan rakyat Singapura merentas umur dan bangsa lebih gemar bertutur dalam bahasa Inggeris.

Demikian dikongsi Canselor Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) yang juga mantan Presiden Singapura, Puan Halimah Yacob, di acara Sayembara Bisikan Pena 2024.

Acara anjuran Bisikan Pena Persa-

tuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS) itu diadakan di Auditorium Perpustakaan Daerah Woodlands pada 6 Julai.

Puan Halimah turut menekankan agar badan persuratan, kesenian dan budaya Melayu lebih giat dalam menganjurkan kegiatan kebahasaan dan persuratan.

Beliau mengambil contoh acara kendalian Bisikan Pena, yang bertujuan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan belia Singapura dan memupuk kesedaran mengenai isu sosial dalam masyarakat Mela-

nyu melalui puisi dan cerpen.

Sambil merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Melayu Darjah 6 yang telah “merosot dengan ketara”, Puan Halimah akur bahawa “Singapura menghadapi cabaran besar dalam mengekalkan kedwibahasaan rakyatnya”.

Justeru, beliau menggesa anak muda Melayu agar “kembali meningkatkan penguasaan bahasa ibunda” dan “mengesyorkan agar badan persuratan, kesenian dan budaya Melayu lebih giat dalam menganjurkan kegiatan kebahasaan dan persuratan di peringkat

tadika hingga ke institusi pengajian tinggi”.

Ini selaras dengan usaha Bisikan Pena, yang memperkenalkan kategori baru bagi murid sekolah rendah (Darjah 5 dan Darjah 6).

“Pelestarian bahasa Melayu seharusnya bermula daripada awal,” kata penyelaras projek Bisikan Pena 2024, Cik Qistina Athirah Mohamed Isa.

Untuk menyemarakkan lagi minat dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat, kategori pantun, cerpen dan puisi yang dahulunya hanya terbuka kepada pelajar, kini dibu-



Pelajar daripada Sekolah Menengah Changkat Changi muncul juara bagi Peraduan Puisi (Kategori A) dan Piala Persembahan Kreatif pada acara Sayembara Bisikan Pena 2024.

ka kepada sekolah dan juga orang awam, dengan segmen baru, Sajak Spontan, turut disertakan.

Bertemakan masa, ia membenarkan peserta meninjau peranan masa dalam kehidupan dan menghasilkan karya kreatif yang baik.

Seramai 109 murid Darjah 5 dan Darjah 6 daripada 21 sekolah menyertai acara pengenalan pantun, manakala 154 pelajar daripada 35 sekolah berusia 13 hingga 16 tahun pula menyertai peraduan cerpen Kategori A (Penulisan).

Puisi Kategori A (Penulisan) pula disertai 43 peserta daripada tujuh sekolah menengah dan dua kumpulan awam, kesemua peserta berusia 13 hingga 16 tahun.

Dalam pada itu, seramai 24 peserta berusia 17 hingga 22 tahun menyertai puisi Kategori B (Penulisan), yang terdiri daripada lima sekolah dan sekumpulan awam.

Para peserta turut menghadiri bengkel bagi setiap kategori, yang dikendalikan pengasas bagi kumpulan

hobi Pantunism, Encik Shahril Samri; Ketua Jabatan Bahasa Ibunda di Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim, Cikgu R. Azmann; salah seorang pengasas Orkestra Sri Temasek dan Syairpura, Encik Afi Hanafi; dan juga pendidik dan aktivis budaya, Cikgu Asnida Daud.

Karya mereka dinilai oleh Cik Khairiah Amin (Cerpen) daripada WidzStudio; Cikgu Asnida (Puisi); dan Encik Shahril (Puisi dan Pantun).

Acara Sayembara Bisikan Pena 2024, yang dihadiri sekitar 200 tetamu, merupakan sesi pemberian hadiah bagi Bisikan Pena 2024 dan pelancaran buku antologi, *Kalam Pendeta*.

Turut hadir ialah Menteri di Pejabat Perdana Menteri merangkap Menteri Kedua (Pendidikan merangkap Ehwal Luar), Dr Mohamad Maliki Osman, dan Anggota Parlimen GRC Sembawang, Cik Mariam Jaafar.

Menurut Cik Qistina, usaha sebegini “memberikan saluran dan keyakinan kepada mereka (peserta) untuk mula menulis semasa mereka masih muda lagi”.